

Lebih RM13 bilion wang tak dituntut hingga Januari

Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my



Datuk Zainani Jusoh (tengah) melihat proses pemeriksaan wang tak dituntut oleh penduduk Kampung Bukit Merah, di sini di kaunter yang disediakan. FOTO SITI ROHANA IDRIS

RINGKASAN
BERITA

Tanah Merah: Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) merekodkan lebih RM13 bilion Wang Tak Dituntut (WTD) sehingga 31 Januari.

Akauntan Negara, Datuk Zainani Jusoh berkata, daripada angka itu, RM7 bilion masih kekal dalam akaun amanah tak dituntut manakala selebihnya sudah dilaraskan dalam akuan hasil disatukan kerana tak dituntut oleh pemilik atau waris dalam tempoh 10 tahun.

"Bagaimanapun sekiranya ada permohonan tuntutan daripada akaun hasil disatukan, pembayaran balik melalui peruntukan bayaran balik hasil boleh dibuat.

"Harus diingatkan bahawa kami tidak pernah melantik mana-mana ejen atau wakil untuk menuntut wang tidak dituntut bagi pihak penuntut.


Disyorkan

- [Pelajar maut akibat leher terkena sabit yang dibawa penunggang lain](#)
- [SPRM, ATM perkukuh kerjasama strategik](#)
- [Rekod bola sepak Brazil pecah, 23 kad merah dilayang dalam final Cruzeiro menentang Atletico](#)
- [MFL santuni anak yatim, asnaf](#)
- [Formula Two pertimbang lokasi lain jika perlumbaan di Timur Tengah dibatalkan](#)

ADVERTISEMENT



"Saya sarankan kepada semua penuntut membuat tuntutan sendiri sama ada secara dalam talian atau hadir ke kaunter di semua pejabat akauntan negara serta cawangan di seluruh negeri," katanya ketika sidang media di sini, hari ini.



RINGKASAN BERITA

Zainani berkata, pihaknya sentiasa aktif menghebahkan mengenai wang tidak dituntut kepada orang ramai menerusi pelbagai program anjuran kerajaan Madani di setiap negeri.

Tambahnya lagi, bas bergerak disediakan sebagai kaunter bagi memudahkan orang ramai untuk proses wang tidak dituntut di mana-mana sahaja.

"Khidmat bas bergerak ini sudah digunakan sejak tahun lalu dan ia dilengkapi kemudahan bagi memeriksa serta membuat tuntutan wang tidak dituntut di setiap pelosok negeri.

"Di samping itu, semakan juga boleh dibuat menerusi portal rasmi eGUMIS di <https://egumis.anm.gov.my/> malah setiap kali 'log in', semakan turut dibenarkan untuk dua individu lain setiap hari.

"Bagaimanapun, tuntutan wang hanya boleh dilakukan oleh penuntut dengan menyertakan semua dokumen yang diperlukan," katanya.

Terdahulu beliau hadir menyempurnakan perasmian peluncuran Kampung Angkat Madani Jabatan Akauntan Negara di Kampung Bukit Merah di Masjid Al-Iktikaf Ibnu Sina, di sini, hari ini.

Disiarkan pada: Mac 7, 2026 @ 4:49pm



ENDFIELD
Explore, Fight, And Shape The World Of Endfield!
Download Now!

LEARN MORE →

Sorotan Video